

covid-19



PETUGAS membabitkan pelbagai agensi menggunakan kelengkapan pelindung diri (PPE) ketika menghantar makanan dan barangan keperluan kepada 11,422 penghuni pangsapuri Perumahan Awam Desa Rejang, Kuala Lumpur.

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

GEROMBOLAN 'LEMBAGA' PUTIH

Petugas pelbagai agensi lengkap berpakaian PPE agih makanan, keperluan harian

Gerombolan 'lembaga' berpakaian putih dilihat berbaris dan berkelir di sekitar Perumahan Awam Desa Rejang di sini, sejak Jumaat lalu.

Kehadiran dan pergerakan kumpulan 'plastik putih' ini jelas menarik perhatian hampir 12,000 penghuni kediaman padat berkenaan.

Kumpulan lebih 60 individu berpakaian kelengkapan pelindung diri (PPE) itu adalah antara petugas pelbagai agensi di kawasan Perumahan Awam Desa Rejang yang dikenali sebagai Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula Jumaat lalu hingga 1 Julai hadapan.

Isa susulan terdapat hampir 500 kes positif jangkitan Covid-19 dikesan di kawasan itu yang dikhuatiri akan terus merebak.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Wilayah Persekutuan, Kolonel (PA), Effendy Ali berkata, menyedari ancaman virus Covid-19, setiap petugas diwajibkan memakai PPE ketika ditugaskan mengagihkan bakul makanan dan keperluan harian kepada 11,422 penghuni pangsapuri di kawasan PKPD itu.

Menurutnya, tugas di zon merah itu bukan mudah berikutan agihan dilakukan tiga kali sehari membabitkan sarapan, makan tengah hari dan makan malam untuk penduduk di 12 blok pangsapuri di situ.

"Tugas ini dilakukan bersama membabitkan anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM), Rela, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Penugasan di lokasi ini turut dibantu petugas Majlis Keselamatan Negara (MKN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Penerangan Malaysia (Japen)."

"Seramai 42 anggota APM di tempatkan di Perumahan

Awam Desa Rejang setiap hari dengan peranan utama mengagihkan makanan dan keperluan harian selain membantu kes kecemasan membabitkan penduduk.

"Cabaran besar dilalui petugas berikutan jumlah kediaman yang besar membabitkan 2,791 unit kediaman. Mereka perlu menaiki tangga atau lif untuk sampai ke setiap unit blok," katanya.

Effendy yang juga Pengarah APM Wilayah Persekutuan berkata, petugas APM dan agensi lain perlu memakai PPE itu bagi jangka masa lama

hingga tugas mengagihkan makanan selesai dilakukan.

"Bayangkan mereka perlu bergerak dalam keadaan tubuh ditutup sepenuhnya PPE dari hujung kaki hingga hujung rambut. Malah mereka perlu bertugas membawa makanan dalam keadaan cuaca panas.

"Tidak hairanlah ada antara petugas yang memakai PPE sehingga tempoh 5 jam mengalami pita. Terbaharu semalam, dua anggota APM hampir pengsan ketika menjalankan tugas berikutan keadaan cuaca panas terik se-

masa proses penghantaran bakul makanan.

"Namun saya bangga berikutan sukarelawan APM terbahit tidak patah semangat dan mahu meneruskan tugas diamanahkan," katanya yang turut memuji semangat ditunjukkan Leftenan Nassahurul Noor dan Leftenan Muhammad Imran Hakim Rosman selaku pegawai di lapangan," katanya.

Difahamkan tugas di zon merah itu berdepan beberapa cabaran apabila ada segelintir penduduk mencetuskan masalah.



PETUGAS pelbagai agensi lengkap memakai kelengkapan pelindung diri (PPE) mendengar taklimat sebelum tugas pengagihan dilakukan.

Difahamkan Perumahan Awam Desa Rejang dikenakan PKPD selepas KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes amat ketara dalam masa singkat apabila 264 kes positif direkodkan hasil 3,512 saringan dengan kadar positif 7.52 peratus pada Rabu lalu.

Lebih membimbangkan apabila kes jangkitan meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehhajngkitan tinggi di lokaliti berkenaan.

Sementara itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM turut mengedarkan barangan khusus kegunaan harian seperti peralatan mandian, ubat-ubatan dan keperluan bayi kepada penduduk di situ.

Langkah proaktif ini diambil KPWKM berikutan aduan yang dikemukakan penduduk di Desa Rejang berkaitan dengan keperluan makanan dan keperluan asas yang terjejas susulan daripada larangan pengoperasian kedai runcit sepanjang tempoh PKPD.

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan sokongan sosial melalui perkhidmatan telekaunseling, pengoperasian bilik gerakan, Talian Kasih 15999 24 jam serta berkomunikasi dengan wakil penduduk yang dilantik.



FOTO: ASYRAF HAMZAH, AZIAH AZMEE DAN APM



CUACA panas adalah cabaran besar kepada sukarelawan termasuk anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) ketika mengagihkan makanan harian kepada penduduk Perumahan Awam Desa Rejang.

